



FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF

TAJUK :

KAJIAN TERHADAP MOTIF SONGKET TERENGGANU

FATIN AMIRAH BINTI ZAMERI (30180)

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)
2014

KAJIAN TERHADAP MOTIF SONGKET TERENGGANU

FATIN AMIRAH BINTI ZAMERI

**Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan kepujian
(Program Pengurusan Seni)**

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2014

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on theday of.....2014.

Student's Declaration:

I FATIN AMIRAH ZAMERI ZAMERI, 30180, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS
---- (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare
that the work entitled KAJIAN TERHADAP MOTIF SONGKET TERENGGANU
----- is my original work. I have not copied from any other students' work or
from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the
text, nor has any part been written for me by another person.

Date submitted

FATIN AMIRAH (30180)
Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I Dr Noria Ak Tugang (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that
the work entitled Kajian Terhadap Motif Songket Terengganu
----- (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted
to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment of BACHELOR OF APPLIED
ARTS WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT) (PLEASE INDICATE THE
DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: Dr Noria Ak Tugang Date: _____
(Name of the supervisor)

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

CONFIDENTIAL (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*

RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organization where Research was done)*

OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____
(2014)

Supervisor signature: _____
(2014)

Current Address:

Kuching, Sarawak

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organization with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

Projek bertajuk “Kajian Terhadap Motif Songket Terengganu” telah disediakan oleh Fatin Amirah Binti Zameri dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Pengurusan Seni)

Diterima untuk diperiksa oleh :

.....

DR NORIA TUGANG

Penyelia

Tarikh :

.....

PENGAKUAN

Projek yang bertajuk ‘Kajian Terhadap Motif Songket Terengganu’ telah disediakan oleh Fatin Amirah Binti Zameri dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian Pengurusan Seni.

Disediakan oleh:

(FATIN AMIRAH ZAMERI)

Tarikh:

PENGHARGAAN

Sejuta penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih ditujukan kepada Dr Noria Tugang selaku penyelia yang telah banyak meluangkan masa untuk membimbing dan melontarkan idea serta pandangan yang jelas mengenai kajian yang telah dijalankan. Tidak lupa juga kepada pensyarah-pensyarah Program Pengurusan Seni yang telah banyak memberikan pendapat serta komen yang berguna kepada pengkaji sepanjang Projek Tahun Akhir ini dilakukan. Jutaan terima kasih juga di atas segala nasihat dan tunjuk ajar yang telah diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada Encik Wan Manang, Puan Sharifah Nazirah, Puan Hajjah Habibah dan Puan Hajjah Zainab yang telah banyak membantu dan memberi kerjasama kepada pengkaji dalam mendapatkan data kajian. Tanpa bantuan dan kerjasama daripada mereka sudah pasti kajian ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ibunda tercinta Rohaya Binti Harun @ Abd. Rahman dan ayahanda tercinta Zameri Bin Ismail serta keluarga yang sentiasa memberi semangat dan dorongan sepanjang kajian ini dijalankan. Seterusnya, jutaan terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut membantu iaitu Ridhwan Yahya, Diyana Azhari, Zulfah Atikah, Nor Amirah dan Aimi Raihana.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan kajian ini.

ABSTRAK

Kajian ini menumpukan kepada pembuatan kain tenunan songket Terengganu. Fokus kajian ini kepada faktor utama dan faktor sampingan yang mempengaruhi pemilihan motif dalam proses pembuatan songket di Terengganu. Selain itu, pengkaji juga akan menganalisa maksud motif songket dan warna motif yang digunakan itu. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Maklumat ini amat penting untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai kain tenunan songket Terengganu.

ABSTRACT

This study focuses on the manufacture of Terengganu songket. This study focuses on the key factors and ancillary factors that influence the choice of manufacturing embroidered motifs on a songket in Terengganu. In addition, researchers will also analyze the purpose of the songket motifs and colors of the motifs used. Researchers have used qualitative and quantitative methods. This information is very important to understand more about Terengganu songket.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
HALAMAN TAJUK	i
BORANG PENGESAHAN	ii
PENGAKUAN	iv
PENGHARGAAN	vi
ABSTRAK	vii
ISI KANDUNGAN	ix
1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	5
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Hipotesis Kajian	7
1.5 Kepentingan Kajian	8
1.6 Skop Kajian	9
1.7 Lokasi Kajian	10
1.8 Limitasi Kajian	11
1.9 Rumusan	12

2	SOROTAN KESUSASTERAAN	
	2.1 Pengenalan	13
	2.2 Ulasan Karya Lepas	14
	2.2.1 Songket	14
	2.2.2 Motif atau corak	16
	2.2.3 Warna	19
	2.2.4 Kualiti dan harga	20
	2.2.5 Penggunaan kain tenunan songket	22
	2.2.6 Pembuatan songket	23
	2.3 Rumusan	23
3	METODOLOGI KAJIAN	
	3.1 Pengenalan	24
	3.2 Sumber data	
	3.2.1 Data Sekunder	25
	3.2.2 Data Primer	26
	3.3 Kaedah Kajian	27
	3.3.1 Kaedah Kualitatif	28
	3.3.2 Kaedah Kuantitatif	30
	3.4 Populasi Kajian	32
	3.5 Sampel Kajian	32
	3.6 Instrumen Kajian	33
	3.7 Rumusan	34

4	ANALISA DATA DAN DAPATAN KAJIAN	
	4.1 Pengenalan	35
	4.2 Pengenalan kepada kain tenunan songket	37
	4.2.1 Faktor Utama Yang Mempengaruhi	
	Pemilihan Motif	39
	A. Alam Semula Jadi dan Ilmu Pengetahuan	39
	B. Ilmu Pengetahuan	40
	4.2.2 Faktor Lain Yang Turut Mempengaruhi	
	Pemilihan Motif	41
	A. Citarasa Pelanggan	41
	B. Minat	41
	C. Motif	42
	4.2.3 Maksud Motif di dalam Kain Tenunan	
	Songket Terengganu	43
	4.2.4 Warna yang digunakan Semasa	
	Menghasilkan Motif	44
	4.2.5 Proses pembuatan kain tenunan	
	songket Terengganu	46
	4.3 Data Borang Soal Selidik	48
	4.4 Dapatan Kajian	83
	4.5 Rumusan	94

5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	
	5.1 Kesimpulan	95
	5.2 Cadangan	96
	5.3 Cadangan untuk kajian akan datang	97
	SENARAI RUJUKAN	99
	LAMPIRAN	102

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Umumnya, ramai yang mengetahui bahawa Negeri Terengganu merupakan salah satu negeri yang cantik dan mempunyai banyak catatan sejarah di Malaysia. Lokasinya yang strategik di mana ia menghadap Laut China Selatan, telah menjadikan negeri ini sebagai sebuah bandar pelabuhan dan pusat tumpuan para pedagang dari seluruh dunia untuk menjalankan aktiviti perniagaan pada suatu ketika dahulu. Kebanyakan Masyarakat Terengganu membina penempatan mereka di sepanjang Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu.

Masyarakat Terengganu dikenali sebagai masyarakat Maritim kerana masyarakatnya terlibat dengan aktiviti perdagangan, perikanan serta pelayaran. Seperti yang kita dapat lihat pada hari ini masih terdapat aktiviti rutin yang dijalankan oleh masyarakat Terengganu misalnya, menjalankan aktiviti perusahaan membuat kulit bot dan kapal, pembuatan barangan logam, perusahaan keropok lekor, dan aktiviti pelancongan. Selain itu, pada masa lapang penduduk di Terengganu juga menjalankan aktiviti mencetak batik dan menenun kain songket yang diwarisi sejak zaman berzaman dan ini telah menjadikan Terengganu kaya dengan hasil kraftangan (Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, 2003).

Penduduk Terengganu berjumlah hampir satu juta orang, yang terdiri daripada 90% kaum Melayu dan selebihnya terdiri daripada kaum Cina dan kaum India. Aktiviti ekonomi utama penduduk Terengganu ialah menangkap ikan. Rakyat Terengganu menjalani kehidupan yang sederhana dan aman damai yang mana agama, tradisi dan budaya masih menjadi asas terhadap aktiviti seharian (Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Perlancongan, 2003). Kegiatan mencarigali minyak di luar pantai Terengganu pula telah membantu Terengganu menjadi sebuah bandar yang berkembang pesat.

Songket melambangkan kehalusan seni tenunan Melayu yang diwarisi sejak berzaman lagi. Perkataan songket membawa maksud, membawa keluar atau menarik benang daripada kain atau menenun menggunakan benang emas, perak dan sutera. Selain itu, perkataan songket juga dikatakan berasal daripada perkataan “nyungkit”. Nyungkit atau menyungkit bermaksud, menghasilkan ragam hias pada sehelai kain dengan melalukan benang loseng yang telah diikat di celah-celah lidi dan kemudiannya mengeluarkan lidi-lidi itu daripada benang tersebut (Siti Zainon, 1986).

Kain songket amat sinonim dengan masyarakat Terengganu. Namun asal-usul kain songket di Terengganu sehingga pada masa kini masih kabur. Pada zaman kerajaan Melaka, kain songket sudah pun berada di negeri Terengganu. Dari mana pula orang Terengganu membawa masuk songket, itu masih lagi menjadi tanda tanya. Sesetengah orang menyebut songket berasal dari Timur Tengah dan sesetengahnya pula menyatakan dari kepulauan Melayu seperti Bugis dan Riau (Norwani, 2007). Perusahaan songket mula berkembang sejak kedatangan pedagang-pedagang ke Tanah Melayu dan hasil tenunan songket Terengganu telah mendapat pujian daripada orang-orang barat sejak zaman dahulu sehingga kini.

Songket ibarat ratu segala jenis kain kerana keindahannya membuatkan songket menjadi sejenis fabrik yang tidak ternilai. Semasa zaman pemerintahan Sultan Mansur, aktiviti pembuatan songket amat terkenal dan sangat pesat. Sehingga kini, pembuatan songket telah menjadi sumber ekonomi penduduk Terengganu.

Pada masa dahulu, menenun merupakan satu pekerjaan yang amat penting untuk dipelajari terutamanya bagi kaum wanita (Norwani, 2007). Ini disebabkan mereka sendiri

perlu membuat pakaian mereka sendiri. Selain daripada kegunaan untuk diri sendiri mereka juga akan menenun songket untuk memperolehi pendapatan sampingan. Kebiasaannya mereka hanya menyiapkan beberapa helai songket dalam masa sebulan. Namun begitu, pada hari ini tanpa kita sedari songket telah memberi pengaruh yang besar kepada pengusaha dan penenun kain songket terutamanya dari segi pendapatan yang diperolehi mereka. Hal ini telah menyebabkan mereka memperoleh pendapatan yang lumayan, seterusnya membolehkan mereka untuk memiliki rumah dan kereta yang besar.

Rekaan corak atau motif merupakan asas utama dalam menghasilkan sesuatu karya seni terutama songket. Biasanya tanpa rekaan corak mahupun motif hasil seni sama ada tradisional atau moden tidak akan terhasil dengan baik. Setiap motif songket biasanya mempunyai nama-nama yang tertentu. Motif memainkan peranan utama dalam menentukan kain songket yang dihasilkan cantik atau pun tidak. Terdapat lebih daripada 100 motif tradisional yang ditenun di atas kain songket sarung dan lepas atau dikenali juga sebagai selendang (Norwani, 2007).

Secara tradisinya, kerabat Diraja Melayu dan golongan bangsawan akan memakai songket yang ditenun dengan menggunakan benang sutera yang halus dan benang emas manakala bagi golongan rakyat biasa pula mereka biasanya akan memakai songket yang ditenun dengan menggunakan benang kapas sahaja.

Pembuatan kain songket di Terengganu mestilah menjalani lapan proses umum yang perlu digunakan oleh penenun kain. Lapan proses ini akan diwarisi secara turun temurun secara rahsia dari satu generasi kepada generasi yang lain. Kemahiran dan kreativiti tukang tenun terserlah melalui tenunannya berdasarkan corak atau motif yang menarik. Kita dapat lihat daripada kain-kain songket lama yang mempunyai latar belakang teknik ikat bercorak halus yang dipanggil bunga cuai tetapi pada hari ini corak tersebut sukar untuk ditemui. Selain itu, kelebihan seorang penenun yang mahir ialah mereka tidak

akan melakar corak songket di atas kertas sebelum kerja-kerja menenun dijalankan. Sebaliknya, ia lahir daripada daya kreativiti dan imaginasi mereka sendiri dan akan terus melakukan proses menenun kain tenunan songket.

Kini, penggunaan kain songket telah digunakan oleh seluruh lapisan masyarakat. Kain songket biasanya akan dipakai sebagai pakaian rasmi, pakaian pengantin, pakaian penari tradisional, dan hiasan pada jubah Konvoquesyen. Selain itu, kain songket juga dihasilkan sebagai kain ela kemudiannya dipelbagaikan penggunaannya sebagai produk yang lebih kreatif untuk dipasarkan. Sebagai contoh kain songket diilhamkan dalam bentuk beg, bingkai gambar, hiasan dinding, kusyen eksklusif dan cenderamata.

Di negeri Terengganu, antara tempat pembuatan kain tenunan songket yang paling terkenal adalah di daerah Kuala Terengganu, terutamanya di kawasan Kampung Gong Pak Maseh, Kampung Gong Tok Nasek, Kampung Bukit Depu, Kampung Pasir Panjang, Kampung Losong, dan Kampung Wakaf Mempelam. Pembuatan kain tenunan songket kebanyakannya diusahakan oleh golongan wanita dan juga golongan lelaki tanpa mengira usia. Penenun kain songket ini kebiasaannya akan mengusahakan pembuatan kain tenunan songket ini di rumah sekiranya terdapat masa terluang dan mereka juga akan mengambil upah daripada pengusaha-pengusaha songket yang membekalkan bahan mentah seperti benang, loseng, kei dan lain-lain lagi. Kemudian kain songket yang telah siap di tenun akan dijual kepada pemborong-pemborong songket. Kebanyakan pemborong songket telah membuka kedai mereka di Pasar Kedai Payang, Kuala Terengganu.

Harga kain songket yang dipasarkan boleh mencecah sehingga puluhan ribu ringgit. Hal ini disebabkan oleh mutu kain songket yang dihasilkan para penenun sangatlah tinggi. Kehalusan tenunan oleh para penenun kain merupakan salah satu faktor yang menyebabkan nilai harga songket itu tinggi. Selain itu, untuk menghasilkan kain yang sangat bermutu penenun songket perlulah mempunyai sifat yang sabar dan ketelitian yang

tinggi. Produk songket juga bukan hanya dipasarkan di dalam negara sahaja malah juga dipasarkan ke beberapa negara di benua Eropah seperti Perancis dan negara lain seperti Amerika dan Jepun.

1.2 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian merupakan perkara utama yang mendorong kepada berlakunya kajian ke atas sesuatu masalah yang ingin dikaji. Kain tenunan songket Terengganu terkenal dengan motifnya yang tersendiri. Motif dapat membezakan songket Terengganu dengan songket dari negeri lain. Pada hari ini, penenun telah menghasilkan pelbagai jenis motif yang menarik untuk ditenun di atas sehelai kain tenunan songket. Namun, sehingga hari ini kita masih tidak mengetahui faktor utama yang menyebabkan penenun dan pereka corak menghasilkan dan menenun motif- motif tersebut.

Selain itu, motif juga digunakan sebagai perhiasan di atas kain tenunan songket. Pemilihan motif yang menarik akan menghasilkan sehelai kain tenunan yang cantik dan ia biasanya dilakukan oleh penenun dan pereka corak itu sendiri. Pereka corak atau penenun akan menjalankan pemilihan motif dengan teliti untuk mendapatkan hasil yang berkualiti tetapi seperti yang kita ketahui faktor-faktor lain mengenai pemilihan motif kain tenunan songket Terengganu juga masih tidak diketahui sehingga kini.

Setiap motif dan warna kain tenunan songket mempunyai maksud dan peranannya yang tersendiri. Namun kebanyakan masyarakat pada hari ini tidak mengetahui maksud dan peranan bagi motif dan juga penggunaan warna yang digunakan di atas kain tenunan songket tersebut. Hal ini menyebabkan mereka menganggap kain tenunan songket tersebut hanya sekadar pakaian yang menghiasi tubuh mereka tanpa mengetahui maksud yang tersirat dibalik kain yang dipakai oleh mereka.

1.3 Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk menetapkan matlamat kajian yang akan dilakukan mengenai pemilihan motif dalam proses pembuatan kain tenunan songket Terengganu. Melalui objektif ini juga, pengkaji akan dapat mengetahui hasil penyelidikan sama ada bertepatan dengan objektif kajian ataupun bertentangan dengan apa yang difokuskan dalam kajian ini.

- I. Mengenalpasti faktor utama yang mempengaruhi pemilihan motif dalam proses pembuatan songket di Terengganu.
- II. Mengkaji faktor-faktor lain yang mempengaruhi pemilihan motif dalam proses pembuatan songket di Terengganu.
- III. Menganalisis maksud dan warna motif yang digunakan dalam proses pembuatan kain songket Terengganu.

1.4 Hipotesis Kajian

Hipotesis merujuk kepada sesuatu yang betul untuk tujuan pengkajian. Hipotesis ini bertujuan untuk menentukan sama ada terdapat bukti yang kukuh dan membolehkan kesimpulan tepat dibuat. Selain itu, hipotesis dapat membantu membuat keputusan tentang keadaan sebenar sampel yang dikaji.

Hipotesis pengkaji terhadap kajian yang dijalankan adalah ilmu dan alam semula jadi yang mempengaruhi pemilihan sesuatu motif semasa proses pembuatan kain songket Terengganu. Hal ini kerana tanpa ilmu pengetahuan yang mendalam untuk menghasilkan sesebuah motif, seseorang itu tidak akan berjaya untuk menghasilkan motif-motif songket yang menarik. Ilmu perlulah dituntut oleh golongan yang lebih mahir dan pakar dalam bidang pembuatan kain tenunan songket.

Selain itu, alam semula jadi juga merupakan faktor penting dalam proses tenunan kain songket kerana masyarakat pada zaman dahulu sangat dekat dengan alam semula jadi. Kehidupan mereka pada zaman dahulu lebih terdedah kepada alam semula jadi seperti flora dan fauna.

1.5 Kepentingan Kajian

Seperti mana yang telah diketahui secara umumnya, ramai penenun kain songket pada masa ini hanya pandai menenun songket yang bercorak asas atau yang biasa sahaja. Hal ini kerana, untuk menghasilkan kain songket yang bermotifkan corak yang unik dan menarik adalah sangat susah dan hanya penenun yang mahir sahaja mampu untuk membuatnya. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji dengan lebih terperinci faktor utama yang mempengaruhi pemilihan motif dalam proses pembuatan songket di Terengganu.

Berdasarkan masalah yang terdapat daripada penilaian faktor yang mempengaruhi pemilihan motif dalam proses pembuatan songket Terengganu, pengkaji menganggap bahawa pemahaman terhadap faktor-faktor lain yang juga mempengaruhi pemilihan motif dalam proses pembuatan kain songket telah dapat dikenalpasti sebagai maklumat tambahan.

Selain daripada mengkaji faktor-faktor, pengkaji turut menganalisis maksud motif dan peranan warna yang digunakan dalam pembuatan kain songket. Oleh itu, harapan pengkaji terhadap hasil kajian adalah supaya maklumat yang diperolehi dan dikumpul dapat dijadikan sebagai rujukan sampingan bagi kajian akan datang dalam skop yang sama.

1.6 Skop Kajian

Skop kajian merupakan ruang lingkup yang telah ditetapkan untuk sesuatu kajian. Skop kajian ini telah dibahagikan mengikut keperluan dan kehendak kajian. Pemilihan skop kajian ini haruslah bersesuaian dan mempunyai kaitan dengan tajuk utama kajian. Berdasarkan kepada kajian ini, beberapa skop kajian telah dibahagikan mengikut kesesuaian perkara dan bidang kajian yang telah pun dikenalpasti. Dalam kajian ini, pengkaji membataskan kajian kepada perkara-perkara tertentu sahaja supaya skop kajian tidak terlalu luas. Melalui skop kajian ini, lebih memudahkan pengkaji memproses data kajian dengan lebih terperinci.

Fokus utama kajian ini adalah faktor utama dan faktor-faktor lain yang mempengaruhi pemilihan motif semasa proses pembuatan kain songket Terengganu dan juga maksud motif dan warna kain tenunan songket yang telah digunakan semasa proses pembuatan kain tenunan songket dilakukan. Selain itu, kajian ini juga tertumpu kepada penenun dan pengusaha kain tenunan songket di kawasan Kuala Terengganu. Aspek lain yang turut diberi perhatian adalah proses pembuatan kain tenunan songket Terengganu. Hal ini dilakukan kerana pengkaji ingin mengetahui dengan lebih mendalam proses-proses yang digunakan untuk menghasilkan sehelai kain tenunan songket.

1.7 Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan ke atas penenun songket di kawasan Kampung Gong Pak Maseh, Kampung Bukit Depu, Pasir Panjang, dan Losong Haji Mat Shafie. Keempat-empat buah kampung ini merupakan kawasan penghasilan kain songket dan terdapat penenun kain yang mahir dan berpengalaman.

Selain itu, pengkaji juga telah menjalankan kajian ke Muzium Negeri Terengganu, Perpustakaan Awam Terengganu, Pusat Perkhidmatan Maklumat Akademik di Unimas, dan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia cawangan Terengganu.